

## IBTP dan Taman-Taman Sabah Anjur Program Pendidikan Alam Sekitar Berasaskan Cendawan

Terakhir dikemaskini: Khamis, 02 Ogos 2018 16:58 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 405

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**KHAMIS, 02 OGOS** - Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Taman-Taman Sabah menganjurkan Program Pendidikan Alam Sekitar Berasaskan Cendawan Taman Kinabalu 2018 di Taman Kinabalu baru-baru ini.

Program tersebut merupakan kesinambungan daripada dua siri program sebelum ini yang diadakan di taman yang sama pada 2016 dan Taman Bukit Tawau pada tahun lalu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan IBTP UMS,

program selama dua hari itu antara lain bertujuan untuk merangsang sifat ingin tahu pelajar, meningkatkan daya kreativiti, menyemai sikap saintifik dan nilai murni dalam kalangan pelajar.

Dalam masa yang sama, ia sebagai pengenalan dan pengurusan cendawan ke arah pembangunan “mycotourism” serta memberi pendedahan mengenai kes keracunan cendawan di Sabah.

Kenyataan itu memaklumkan, program itu juga bertujuan memupuk minat yang mendalam kepada pelajar dan masyarakat untuk kelangsungan pengetahuan tradisi berkaitan cendawan.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang dua hari program itu berlangsung, antaranya ialah bengkel pengecaman cendawan, bengkel pigmen cendawan untuk menghasilkan bahan pewarna, bengkel kraftangan cendawan berdasarkan bahan kitar semula dan bengkel pembuatan kertas berdasarkan cendawan.

Turut diadakan aktiviti mencari cendawan serta demonstrasi masakan tradisi berdasarkan cendawan.

Bertemakan “Cendawan Awesome”, seramai 82 pelajar dan 13 guru pengiring dari 18 sekolah sekitar Kota Kinabalu, Kundasang, Ranau dan Kota Belud telah menyertai program tersebut.

Majlis Perasmian disempurnakan Ketua Penolong Pengarah Taman-Taman Sabah, Rimi Repin mewakili Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah.

Hadir sama, Pemangku Pengarah IBTP, Prof. Madya Dr. Monica Suleiman, selaku wakil kepada Naib Canselor UMS.